



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

SEKOLAH KEBANGSAAN JALAN HAJI BAKI PADAWAN, SARAWAK BAKAL BERWAJAH BAHARU JULAI 2024

PADAWAN, SARAWAK – YB Datuk Seri Ahmad Maslan, Timbalan Menteri Kerja Raya Malaysia telah meluangkan masa meninjau kemajuan kerja Projek Pembinaan Gantian Penuh 12 Bilik Darjah dan Lain-lain Kemudahan di Sekolah Kebangsaan Jalan Haji Baki, Padawan, Sarawak. Turut serta dalam tinjauan ini ialah YBhg Datuk Seri Haji Hasnol Zam Zam bin Haji Ahmad, Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Kerja Raya (KKR) dan YBhg Dato' Ir. Haji Badioezaman bin Ab Khalik, (Menjalankan Tugas) Ketua Pengarah Kerja Raya.

2. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah kementerian pelanggan kepada projek manakala Pasukan Projek Khas 2, Jabatan Kerja Raya Malaysia merupakan agensi pelaksana kepada pembinaan projek yang dilaksanakan secara kaedah Konvensional Perunding (Tender Terbuka).

3. BWS Engineering Sdn Bhd merupakan kontraktor utama dengan kos asal bernilai RM18.18 juta. Pembinaan projek mengambil masa sekitar 26 bulan di mana ianya dimulakan pada 14 April 2022 dan dijangka siap sepenuhnya pada bulan Julai 2024. Sehingga hari ini, kemajuan fizikal projek telah mencapai 91.83% (sebenar) berbanding 90.83% (Jadual) iaitu mendahului 1 hari berbanding jadual.

4. Matlamat utama pembinaan sekolah ini adalah untuk menggantikan dari bangunan asal yang terdiri daripada struktur kayu / separa kayu yang sudah usang kepada sebuah bangunan sekolah yang dapat menyediakan ruang dan kemudahan serta persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif dan selesa kepada guru-guru dan murid-murid.

5. Projek ini direkabentuk dengan menyediakan kemudahan satu (1) unit blok pentadbiran dan akademik yang mengandungi dua belas (12) bilik darjah, pejabat guru, bilik sakit dan pergigian, bilik komputer, perpustakaan, bilik pendidikan seni, bilik sains dan surau, satu (1) unit gelanggang terbuka berbumbung, satu (1) unit kantin, satu (1) unit bilik elektrik, satu (1) unit rumah pam, satu (1) unit rumah sampah, satu (1) unit pondok pengawal, tiang bendera, laluan pejalan kaki berbumbung, tempat letak basikal dan lain-lain kerja berkaitan.

6. KKR amat yakin projek ini akan dapat disiapkan dalam tempoh masa, kos dan kualiti mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan. Ini merupakan satu lagi projek rakyat untuk memperkasakan ekosistem pendidikan anak bangsa rakyat Malaysia MADANI di Sarawak.

#TAMAT#

KEMENTERIAN KERJA RAYA
11 JUN 2024